

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK Dr. MAKIN@ MARCUS MOJIGOH
[PUTATAN]**

TARIKH : 11 NOVEMBER 2014

**SOALAN :Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] minta
MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan :-**

- a) Pelan tindakan yang telah diambil oleh pihak Kementerian dalam menangani isu pemanasan global;dan
- b) Pelan Mitigasi dan Adaptasi yang diambil oleh pihak Kementerian dalam isu ini memandangkan masih ramai golongan tani yang bertani dengan kaedah "Mengikut Musim".

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

a) Kerajaan telah melaksanakan beberapa inisiatif di peringkat nasional bagi mengurangkan kesan pemanasan global. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan oleh pihak Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) adalah:-

(i) **Dasar Perubahan Iklim Negara**

Dasar Perubahan Iklim Negara telah dilancarkan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri pada 30 Ogos 2010. Dasar ini bertujuan untuk dijadikan panduan dalam mengintegrasikan isu perubahan iklim dalam perancangan dan pelaksanaan program pembangunan dan proses membuat keputusan; menggalakkan pertumbuhan ekonomi secara lestari dan pembangunan insan; serta pemuliharaan alam sekitar. Dasar ini juga berperanan sebagai rangka kerja untuk mengerakkan serta memberikan panduan kepada agensi kerajaan, industri, komuniti serta pihak berkepentingan dalam menghadapi cabaran perubahan iklim secara menyeluruh.

(ii) **Program MYCarbon**

Bagi menggalakkan pelaporan pelepasan gas rumah kaca (Greenhouse Gases – GHG) oleh organisasi korporat dan syarikat swasta, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dengan kerjasama United Nations Development Programme (UNDP) sedang melaksanakan Program Pelaporan GHG Kebangsaan Bagi

Sektor Korporat atau juga dikenali sebagai MYCarbon. MYCarbon masih di peringkat fasa rintis pelaksanaan dan sehingga 31 September 2014, sebanyak 26 organisasi dan syarikat swasta telah menyertai program perintis MYCarbon.

(iii) **Program Penanaman Pokok**

Kementerian telah melaksanakan Kempen Menanam 26 Juta Pokok dengan tema “Hijaukan Bumi: Satu Warga, Satu Pokok” yang telah dilancarkan secara serentak di seluruh Negara sempena Sambutan Hari Bumi Sedunia pada 22 April 2010. Sehingga Ogos 2014, sebanyak 62.52 juta pokok telah ditanam di kawasan seluas hampir 80 ribu hektar.

- b) Perubahan iklim dunia boleh menyebabkan berlaku bencana seperti banjir dan kemarau di samping peningkatan serangan perosak tanaman. Kejadian ini boleh menjejaskan produktiviti pertanian negara. Kementerian ini mempunyai Pelan Tindakan di bawah Dasar Perubahan Iklim yang menggariskan langkah-langkah mitigasi dan adaptasi dalam menangani isu pemanasan global. Pelan tindakan tersebut dilaksanakan melalui Mesyuarat Majlis Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim (MTHPI) selaku forum membuat keputusan yang tertinggi bagi bidang teknologi hijau dan perubahan iklim dengan kekerapan 2 kali setahun.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 11 NOVEMBER 2014
[SELASA]**

**DARIPADA : Y.B. TUAN SIM TONG HIM
[KOTA MELAKA]**

SOALAN :-

Y.B. TUAN SIM TONG HIM [KOTA MELAKA] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN** menyatakan :-

- (a) syarat-syarat utama mengenai bahasa-bahasa yang dibenarkan di bawah Akta Periklanan dan Papan Tanda; dan
- (b) bagaimanakah dengan penguatkuasaan terhadap banting dan papan tanda haram oleh kegiatan " along " dan orang-orang tertentu dan adakah Kementerian bercadang meminda akta ini supaya ia lebih berkesan.

JAWAPAN:-

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semakan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mendapati Akta Periklanan dan Papan Tanda seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat tidak wujud. Perkara berkaitan iklan adalah di bawah Undang-undang Kecil Iklan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). UUK Iklan PBT telah menetapkan bahawa Bahasa Malaysia hendaklah digunakan bagi semua iklan yang dipapar termasuk iklan yang melibatkan bahasa lain. Walau bagaimanapun, jika Bahasa Malaysia digunakan bersama bahasa lain dalam satu iklan, perkataan dalam Bahasa Malaysia hendaklah berukuran lebih besar dan lebih jelas dari segi keutamaan dan kedudukan penglihatan daripada perkataan-perkataan dalam mana-mana bahasa yang lain. Kementerian ini juga telah mengedarkan Pekeliling KSU Bilangan 2 Tahun 2009 Garis Panduan Perancangan Papan Iklan Papan Luar pada 22 Januari 2009 untuk digunakan oleh PBT secara seragam di dalam memproses permohonan bagi pemasangan papan iklan luar di kawasan masing-masing. Garis panduan ini, antara lain meliputi aspek kawalan ke atas

pemasangan struktur dan kandungan iklan, terutamanya berkenaan penggunaan Bahasa Malaysia.

- (b) Mana-mana iklan yang tidak mendapat kelulusan akan diturun atau dipadamkan. Pihak PBT menurunkan iklan haram dari semasa ke semasa. Dalam hal ini, mana-mana pihak yang didapati memasang iklan tanpa kebenaran PBT boleh dikompaun dan didakwa di Mahkamah dimana jika didapati bersalah, Mahkamah boleh mengenakan didenda tidak melebihi RM2,000 atau setahun penjara atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

KPKT mencadangkan penambahan kuasa-kuasa seperti kuasa untuk menyita bangunan/premis, kuasa menutup premis, kuasa untuk melucut hak, pemeriksaan hanya oleh pegawai wanita ke atas wanita yang disyaki melakukan kesalahan dan cadangan menaikkan penalti daripada RM2,000.00 kepada RM25,000.00. Cadangan ini sedang diteliti dengan bantuan Penasihat Undang-undang KPKT dan selanjutnya akan dimajukan kepada Jabatan Peguam Negara untuk kelulusan.